

CNS7415

U GB 27-12 00184 BB294

BAH

Labuan - Pelaburan

LABUAN BERSIAP SEDIA UNTUK SATU LAGI ARUS PEMBANGUNAN

I

LABUAN, 27 Dis (Bernama) -- Labuan, yang sedang membangun dengan pesat oleh sektor swasta dan awam dengan jumlah pelaburan melebihi RM1,000 juta kini akan mengalami satu lagi arus pembangunan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang semalam meminta sektor korporat agar melabur di sini dijangka menjanakan lebih banyak lagi pelaburan di Wilayah Persekutuan Labuan yang pesat membangun sebagai pusat kewangan luar pesisir.

Dengan menjangka satu lagi arus pembangunan bagi pulau itu yang telah melalui pembangunan yang mengagumkan, Anggota Parlimen Labuan, Abdul Mulok Awang Damit hari ini berkata, inisiatif sendiri Perdana Menteri pasti akan menarik pelaburan yang besar.

Ahli-ahli korporat utama di negara ini berada di Labuan hujung minggu lepas untuk berjumpa Dr Mahathir dan menilai sendiri potensi dan masa depan pulau itu.

Antara mereka ialah Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) Tun Daim Zainuddin, Pengerusi Landmark Berhad, Shamsuddin Abu Hassan, Pengerusi Kumpulan Waterfront, Chua Ma Yu, Pengerusi Ekran Berhad, Datuk Ting Pek King dan pemaju harta Ananda Krishnan. -- Lagi.

▼27/12/18-47MST

U GB 27-12 00141 BB296

BAH

Labuan - Pelaburan 2 Labuan

Landmark Bhd, Waterfront dan Ekran Bhd telahpun membuat pelaburan yang besar di sini dalam industri libur di pulau itu.

Abdul Mulok, yang juga berjumpa dengan ahli-ahli korporat itu berkata, walaupun tiada projek kusus dibincangkan mereka pasti sedang merancang sesuatu yang besar dan ini akan menguntungkan pulau tersebut.

"Inilah kumpulan orang yang boleh membuat sesuatu dan kita perlu berterima kasih kepada Perdana Menteri yang merancang pembangunan Labuan," kata beliau.

Satu daripada projek yang pasti akan menarik sektor korporat ialah pembangunan pusat percutian Kiamsan di atas tanah seluas 161 hektar oleh LDA.

Pusat percutian itu akan mempunyai sebuah padang golf 18 lubang, pusat peranginan tepi pantai, marina, kelab perahu layar dan rumah rehat Jepun. Projek-projek lain yang sedang dipertimbangkan ialah sebuah sekolah antarabangsa dan universiti. -- Lagi.

▼27/12/18-48MST

BAH

Labuan - Pelaburan 3 (Akhir) Labuan

Beliau berkata, usaha-usaha juga sedang diambil bagi mengadakan penerbangan terus bagi menghubungkan Labuan dengan destinasi antarabangsa bukan sahaja bagi memajukan industri pelancongan dan pertumbuhan pusat kewangan tetapi juga bagi merangsangkan lebih banyak pelaburan dan pertumbuhan.

Di Labuan kini terdapat penerbangan terus ke Bandar Seri Begawan dan Zamboanga di Selatan Filipina. Penerbangan terus dari Hong Kong dijangka dilancarkan menjelang Mac depan.

Abdul Mulok berkata, kerajaan telah bertindak secara positif terhadap seruan sektor swasta untuk meningkatkan pelaburan di Labuan.

Pengerusi Westmont Holding Berhad, Joseph Chong Julai lepas menggesa supaya dibangunkan industri pemerosesan semula dan pembungkusan semula barangan kayu-kayan dan elektronik yang berteknologi tinggi yang menggunakan banyak tenaga buruh di Labuan.

Joseph Ambrose Lee, seorang lagi pelabur, awal bulan ini mencadangkan kegiatan luar pesisir pulau itu diperluaskan untuk memasukkan pasaran saham dan tukaran asing antarabangsa. -- Bernama.

AG OPP PR KAM.

▼27/12/18-49MST